



# Jaluma

Buletin

Edisi 1/2012

Jawatankuasa Latihan Bersama Institusi Pengajian Tinggi Awam di Malaysia



LB  
2326.3  
.B85



## Lawatan penanda aras Universiti Malaysia Sabah (UMS) ke Bahagian Pembangunan Modal Insan (HCD), Pejabat Pendaftar, UTM

Pada 28 Oktober 2011, Bahagian Pembangunan Modal Insan (HCD) telah menerima kunjungan delegasi dari Universiti Malaysia Sabah (UMS) terdiri dari pegawai-pegawai dan staf Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar, UMS. Seramai 19 orang staf UMS mengikuti program lawatan penanda aras ini.

Semasa sesi lawatan banyak pengalaman yang telah dikongsi bersama menjurus pembangunan modal insan dan pengurusan staf di kedua-dua universiti di dalam konteks latihan jangka pendek dan latihan jangka panjang.

Intipati perbincangan dan perkongsian menyentuh mengenai sumber manusia, pengurusan kompetensi, pembangunan profesional di samping pengurusan latihan. Semoga dengan kunjungan dari pihak UMS ini proses perkongsian pengetahuan dan pembelajaran berterusan akan berhasil dan pihak UTM mengalu-alukan kedatangan pihak UMS dan IPTA yang lain dimasa-masa akan datang bagi mendalami lagi perkongsian dan pengalaman serta amalan terbaik Universiti masing-masing. Rombongan ini turut melawat UTHM bagi meningkatkan kerjasama dengan universiti tersebut.

## Bahagian Pembangunan Sumber Manusia UTeM anjur Retreat Penyelaras Latihan PTj

Retreat Penyelaras Latihan UTeM merupakan satu usaha untuk meningkatkan pengetahuan Penyelaras Latihan dan staf Bahagian Pembangunan Sumber Manusia berkaitan konsep, kepentingan dan asas-asas kejayaan latihan, mengenalpasti peranan dan tanggungjawab utama Penyelaras Latihan, langkah-langkah menyediakan rancangan latihan dan penilaian serta laporan keberkesanannya latihan secara lebih sistematik.

Sebagai menghargai sumbangan dan peranan Penyelaras Latihan PTj yang telah banyak membantu Bahagian Pembangunan Sumber Manusia, Pejabat Pendaftar melaksanakan aktiviti latihan, satu retreat telah diadakan di Teluk Dalam Resort, Pulau Pangkor, Perak pada 9 hingga 11 Disember 2011 yang melibatkan seramai 14 orang Penyelaras Latihan PTj dan 15 orang staf Bahagian Pembangunan Sumber Manusia.

Program kendalian Irshad HR Consulting ini diadakan juga untuk meningkatkan semangat kerjasama, keserakanan dan kekeluargaan di kalangan Penyelaras Latihan dengan Bahagian Pembangunan Sumber Manusia, Pejabat Pendaftar. Di samping itu ia juga menjadi platform untuk membincangkan perkara-perkara semasa yang berkaitan dengan Pembangunan Sumber Manusia dalam usaha untuk memudahkan kerja pemantauan dan penyelarasan.

Keseluruhananya Retreat Penyelaras Latihan ini telah mencapai matlamatnya di mana segala maklumat yang diperolehi melalui perbincangan berkumpulan telah banyak membantu Bahagian Pembangunan Sumber Manusia bagi menyediakan Kalendar Latihan Tahun 2012.